

11 NOV 1998

KOMANWEL: CGF IKTIRAF KEJAYAAN MALAYSIA ANJUR SUKAN KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Kejayaan Malaysia menganjurkan Sukan Komanwel ke-16 yang berakhir September lepas mendapat pengiktirafan daripada Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) hari ini.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika mengumumkannya berkata surat tersebut dihantar oleh pengerusi CGF Michael Fennel kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Surat itu dihantar oleh Michael Fennel kepada Perdana Menteri yang dimaklumkan kepada jemaah menteri hari ini," katanya di pejabatnya di sini hari ini.

Fennel dalam surat itu berkata, kejayaan Malaysia menganjurkan sukan itu merupakan sejarah sebagai penganjur terbaik untuk abad ini bukan sahaja kepada mereka yang berada di sini, tetapi kepada berjuta-juta masyarakat yang menyaksikan menerusi televisyen.

Beliau juga berkata kejayaan seumpama itu adalah hasil daripada sokongan yang diberikan oleh kerajaan Malaysia sungguhpun negara menghadapi masalah ekonomi, kata Muhyiddin.

"Beliau yang menulis bagi pihak CGF juga mengucapkan taniah kepada kerajaan Malaysia dan juga Perdana Menteri di atas pencapaian luar biasa ketika menganjurkan Sukan Komanwel," kata Muhyiddin.

Menurut Muhyiddin, Fennel juga memaklumkan bahawa standard baru telah diwujudkan yang merupakan sasaran dan juga cabaran yang harus dihadapi oleh penganjur sukan itu pada masa akan datang.

-- BERNAMA

ERE ZB